

SAYANG, RAFIDAH TAK PEKA!

Oleh: WARTAWAN ERA BARU

KETIKA ramai pemimpin Islam menentang keras tindakan 9 orang menteri bukan Islam dalam kabinet di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkaitan dengan isu Perlembagaan yang mereka desak supaya dipinda, tiba-tiba Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz pula seolah-olah menyokong perbuatan menteri-menteri bukan Islam itu.

Ini menunjukkan Rafidah tidak peka dan memahami kepada sensitiviti orang Melayu beragama Islam terhadap Perlembagaan yang telah digubal begi tu lama dan dengan tiba-tiba ada pihak-pihak yang begitu berani mendesak Kerajaan supaya ia dipinda. Yang peliknya menteri-menteri ini adalah berada dalam Kerajaan dan sama-sama duduk dalam kabinet.

SOKONGAN

Kita memuji pemimpin-pemimpin Melayu beragama Islam yang mempertahankan Perlembagaan tersebut termasuk Perdana Menteri sendiri yang tegas menyatakan bahawa tidak perlu artikel 121 (JA) di pinda. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pula menganggap perbuatan mereka tidak manis dan mengharap insiden seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Sepatutnya Rafidah sebagai Menteri Kanan dan Ketua Wanita UMNO memberi sokongan penuh untuk memper tahan kan pucuk pimpinan parti ber-

agama Islam, tetapi Rafidah lebih suka memberi ruang kepada pihak-pihak yang mahukan Perlembagaan di pinda.

Sementara itu, Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz begitu lantang dan marah dengan tindakan menteri-menteri tersebut dengan berkata, *"I am angry that the nine ministers did that because they couldn't threaten the PM like that, and I will not stand for it."*

"We are colleagues in the Cabinet. Why do they need to send a memo when we have decided to look at all the laws? If we can sit down and negotiate, then what need is there to send a memorandum?"



Datuk Seri Nazri Aziz



Datuk Seri Rafidah Aziz